



**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
كِرَالِجَارِ نَكْرِي قِدَحْ بِيْ اِلْاِمْتَانِ

**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000  
: 04-774 4010  
Faks : 04-733 0910  
: 04-733 8717  
: 04-774 4578  
: 04-774 4643

**“MUAFKAT KEDAH”**

Rujukan kami : (45) PBN(K) 019/77/2011  
Tarikh : 06 Disember 2017  
17 Rabi’ul Awal 1439 H

**PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN**  
(Seperti Lampiran)

Y.B. Dato’ / Y.Bhg. Dato’ / Tuan / Puan

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI / ELAUN KERABAT / PENCEN (ADUN) BAGI  
TAHUN 2018**

Dengan hormatnya perkara diatas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh pembayaran gaji bagi kakitangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 adalah ditetapkan seperti Lampiran 1 berkelat.

3. Pihak Y.B Dato’ / Y.Bhg Dato’ / Tuan / Puan tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan gaji pada bulan **Februari 2018 dan Jun 2018** melainkan bagi kes-kes berikut :

- i. Bersara
- ii. Meninggal dunia
- iii. Letak Jawatan
- iv. Cuti Tanpa Gaji / Cuti Separuh Gaji
- v. Tidak Hadir Kerja
- vi. Potongan Perumahan dan Cukai Pendapatan

4. Bagi membuat perubahan rekod gaji di Sistem Payroll 1SPEKS, pihak Y.B Dato’ / Y.Bhg Dato’ / Tuan / Puan hendaklah mengambil **tindakan segera** terhadap perkara berikut:

- i. **Penyata Perubahan Gaji ( Kew. 8 ) dan Borang Perubahan Gaji (Kew 320) :**

Semak /lulus hendaklah dibuat dalam tempoh yang dibenarkan iaitu **tarikh bayaran gaji (A) hingga tarikh akhir dihantar ke PBNK (B).**

5. Borang Perubahan Gaji Kew. 320, KOMP 6 dan Penyata Ringkasan Gaji hendaklah sampai ke **Seksyen Emolumen PBNK** pada atau sebelum tarikh yang telah ditetapkan dalam jadual (B) pembayaran gaji ini. Dengan ini juga diingatkan bahawa Perbendaharaan Negeri Kedah tidak akan membenarkan perubahan (Kew. 8 / Kew. 320) di Sistem Payroll 1SPEKS selepas tarikh yang ditetapkan dan perubahan tersebut hendaklah disediakan pada bulan berikutnya.

6. Semua pergerakan gaji tahunan hendaklah dibuat melalui Sistem Payroll 1SPEKS, iaitu pada **bulan sebenar kenaikan gaji** bagi setiap pegawai sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling berkaitan tarikh pergerakan gaji tahunan yang berkuatkuasa. Manakala perubahan gaji yang memerlukan kelulusan Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, perubahan (Kew8) hendaklah mendapat kelulusan dari Bahagian Sumber Manusia terlebih dahulu sebelum dibuat perubahan dalam Sistem Payroll 1SPEKS.

7. Bagi pegawai dan anggota lantikan sementara, tarikh pembayaran gaji perlu selewat-lewatnya pada penghujung bulan atau satu minggu selepas pembayaran Gaji Payroll bagi anggota tetap selaras surat arahan yang dikeluarkan oleh **Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Ruj : PSU(K)UPKS.179/1414 SUK Jd. (96) bertarikh 28 September 2012**. Tarikh tersebut juga adalah terpakai bagi Elaun Pegawai Masjid, Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA). **Pihak Jabatan boleh menyediakan baucer bermula 15 haribulan setiap bulan bagi pegawai dan anggota lantikan sementara.**


8. Manakala bagi pekerja gaji harian, bayaran akan dibuat setelah berakhir bulan berkenaan.

9. Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan hendaklah memastikan arahan ini dipatuhi bagi memastikan proses pembayaran gaji berjalan dengan lancar.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**YB DATO' WIRA HAJI MOHD FUZI BIN MOHAIDIN**  
**DGMK., DSDK., AMK., BCK., BPL.**  
**Pegawai Kewangan Negeri Kedah.**

LAMPIRAN 1

TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN  
BAGI TAHUN 2018

BULAN	TARIKH / HARI BAYARAN GAJI (A)	CATATAN	TARIKH AKHIR KEW. 320 DIHANTAR KE PBNK (B)
Januari	25.01.2018 (Khamis)		01.01.2018 (Isnin)
Februari *	08.02.2018 (Khamis)	Tahun Baru Cina 16 (Jumaat) & 17 (Sabtu) Februari 2018	01.02.2018 (Khamis)
Mac	22.03.2018 (Khamis)		01.03.2018 (Khamis)
April	25.04.2018 (Rabu)		02.04.2018 (Isnin)
Mei	24.05.2018 (Khamis)		02.05.2018 (Rabu)
Jun *	07.06.2018 (Khamis)	Hari Raya Aidil Fitri 15 (Jumaat) & 16 (Sabtu) Jun 2018	30.05.2018 (Rabu)
Julai	25.07.2018 (Rabu)		02.07.2018 (Isnin)
Ogos	14.08.2018 (Selasa)	Hari Raya Haji 22 Ogos 2018 (Selasa)	01.08.2018 (Rabu)
September	25.09.2018 (Selasa)		02.09.2018 (Ahad)
Oktober	25.10.2018 (Khamis)	Hari Deepavali 6 November 2018 (Rabu)	01.10.2018 (Isnin)
November	22.11.2018 (Khamis)		01.11.2018 (Khamis)
Disember	20.12.2018 (Khamis)	Hari Krismas 25 Disember 2018 (Selasa)	02.12.2018 (Ahad)